

Headline	KLHC bedal Sapura		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	22 Aug 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	53
Section	Arena	Journalist	N/A
ArticleSize	248 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 29,196		



# KLHC bedal Sapura

**Kuala Lumpur:** Hasrat untuk menyaksikan pertembungan sengit membabitkan Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) dan Sapura meleset selepas skuad bimbingan Muhammad Harun Al-Rashid Samri tidak berdepan masalah menewaskan Sapura 5-2 pada aksi kedua saingan Liga Premier, TNB Liga Hoki Malaysia (MHL) semalam.

Meskipun melakar kemenangan meyakinkan, Muhammad Harun enggan terlalu menabik dada dengan kejayaan barisan pemainnya itu selepas mempertahankan Piala Sumbangsih buat kali ketiga berturut-turut dengan menewaskan Terengganu Hockey Team (THT), minggu lalu.

"Lima gol tidak boleh dianggap jaringan besar. Tapi jumlah gol itu membantu kami memastikan lawan tidak dapat bangkit semula.

"Kami bernasib baik kerana memperoleh gol awal. Harap selepas ini tidak ada lagi gol mudah diberikan kepada pihak lawan," katanya.

Tonggak import Muhammad Umar Butta meletakkan



**PEMAIN THT Mohd Fitri Saari (dua kiri) diasak pemain Maybank Mohamad Syafiq Mohamed Zain (kanan) di Stadium Hoki Batu Buruk, semalam.**

KLHC di depan seawal minit kedua sebelum Ahmad Kazimirul Nasiruddin menyempurnakan pukulan sudut penalti lima minit ke-mudian.

Sapura memperoleh gol pertama menerusi Mohamad Izad Hakimi Jamaluddin pada minit ke-19 sebelum kelekaan barisan pertahanan membolehkan KLHC menjarakkan kedudukan 3-1 hasil jaringan Mohd Syamim Mohd Yusof.

Muhammad Noor Faeez

Ibrahim menyumbang gol keempat minit ke-22 tetapi Sapura cuba bangkit menghidup sisa-sisa perjuangan dengan gol kedua daripada pukulan sudut penalti Mohd Zulhairi Hashim pada minit ke-43.

Muhammad Rashid Baharom memastikan tiga mata penuh milik KLHC dengan gol kelima minit ke-53.

Sementara itu, di Stadium Hoki Batu Buruk, Terengganu Hockey Team (THT) me-nebus kehampaan tewas ke-

pada KLHC pada saingan Piala Sumbangsih dengan membelas Maybank 5-1 semalam.

Gol THT diperoleh menerusi Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abd Jalil (m-28), Jivan Mohan (m-40), Jang Jonghyun (m-46, 51) dan Muhamad Amirul Mirza Rozi (m-60).

Gol sagu hati Maybank yang juga jaringan pembukaan dihasilkan menerusi Hafifi Hafiz Hanafi pada minit ke-14.